

## **Kebolehterimaan Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis Permasalahan dan Penyelesaiannya**

**MOHAMAD AZHAN YAHYA, PH.D**

Universiti Kebangsaan Malaysia

[azhan@ukm.edu.my](mailto:azhan@ukm.edu.my)

**AHMAD AZAM MOHD SHARIFF, PH.D**

Universiti Kebangsaan Malaysia

[aazam@ukm.edu.my](mailto:aazam@ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Masa kini, keterangan dokumen elektronik sering kali dikemukakan dalam perbicaraan di mahkamah syariah. Keterangan dokumen elektronik dikemukakan untuk membuktikan fakta isu dan fakta relevan serta digunakan untuk menyokong keterangan-keterangan lain yang dikemukakan dalam sesuatu perbicaraan. Penulisan ini mensasarkan tiga objektif. Objektif pertama mensasarkan untuk menganalisis prinsip syariah serta pengaplikasian peruntukan undang-undang berkaitan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di mahkamah syariah. Objektif kedua mensasarkan untuk mengenal pasti permasalahan yang wujud. Objektif ketiga mensasarkan untuk mencadangkan penyelesaian ke atas permasalahan yang telah dikenal pasti. Bentuk penulisan ini adalah penulisan doktrinal. Penulisan ini menggunakan kaedah penganalisan secara kualitatif. Bahan-bahan berkaitan dengan prinsip syariah, pengaplikasian undang-undang serta kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik dikumpul melalui kaedah penulisan peprustakaan. Pada masa yang sama, kaedah temu bual ke atas pengamal undang-undang turut dilakukan untuk menyokong dapatan penulisan. Penulis mendapati sekiranya keterangan keterangan dokumen elektronik yang dikemukakan ini relevan, mempunyai nilai probatif dan koroboratif yang tinggi, serta terjaga rantaian keterangan dan jagaannya, ia boleh dikemukakan serta dijadikan sebagai asas penghakiman kes. Walau bagaimanapun, penulis mendapati bahawa pendefinisian keterangan dokumen elektronik di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah ini kabur. Ini akhirnya telah mengakibatkan kebolehterimaannya di mahkamah syariah menjadi turut tidak jelas. Dengan demikian, penulis mencadangkan agar satu kesepakatan dalam menerima serta memperincikan definisi serta pengaplikasian keterangan dokumen elektronik di bawah enakmen tersebut dibuat agar kebolehterimaannya menjadi jelas.

**Kata kunci:** keterangan dokumen elektronik, prinsip syariah, keterangan Islam, mahkamah syariah, kebolehterimaan.

### **1. Pengenalan**

Dalam kes mal dan jenayah syariah, keterangan dokumen elektronik sering dikemukakan. Ini kerana keterangan-keterangan tersebut adalah relevan serta diterima pakai menurut prinsip dan peruntukan undang-undang syariah di negara ini. Sungguhpun begitu, penulisan ini mengenal pasti permasalahan berkaitan perbezaan penerimaan definisi keterangan dokumen elektronik dalam perbicaraan kes mal dan jenayah syariah di mahkamah syariah di negara ini. Oleh yang demikian, penulisan ini menganalisis permasalahan pendefinisian keterangan elektronik dengan kritikal dan terperinci.

### **2. Kerangka dan Metodologi Penulisan**

Penulisan ini menggunakan reka bentuk penulisan perundangan. Penulisan ini mengguna pakai pendekatan dalam bentuk kualitatif. Ia merupakan satu penulisan yang memakai kaedah

penulisan perpustakaan. Dengan kaedah penulisan tersebut, penulisan ini mengguna pakai kaedah analisis kandungan dan analisis kritis dalam menganalisis maklumat serta data yang diperolehi dari bahan-bahan ilmiah seperti buku, artikel serta laporan kes dari jurnal dalam isu berkaitan keterangan dokumen dan keterangan dokumen elektronik dari perspektif prinsip Syariah. Kaedah penulisan lapangan turut digunapakai bagi memperkukuhkan dapatan-dapatan penulisan yang sedia ada.

### **3. Keterangan Dokumen Elektronik dari Perspektif Prinsip Keadilan**

Keterangan dokumen dalam bentuk elektronik boleh didefinisikan sebagai apa-apa maklumat atau data yang bernilai di dalam penyiasatan yang disimpan, diterima dan dipindahkan melalui peranti elektronik (Sean, Robert & Brian, 2015). Berdasarkan kepada buletin Joint Technology Committe Sumber menjelaskan bahan bukti keterangan elektronik seperti kandungan maklumat di dalam komputer, fail audio, rakaman video dan imej elektronik. Sebagai contohnya, telefon selular, kamera elektronik, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, alat pengimbas, rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi (Ismail, 2013).

Di mahkamah syariah, keterangan dokumen berbentuk elektronik ini dikemukakan dalam kes-kes mal bertujuan untuk menyokong tuntutan dalam kes perceraian, pengesahan nikah dan kes-kes berkaitan nafkah (Azhan, Azam & Hassan, 2017). Ianya turut dikemukakan dalam kes-kes jenayah syariah dengan tujuan untuk mengukuhkan dakwaan terhadap tertuduh sepertimana dilihat dalam kes kesalahan persetubuhan haram dan kesalahan khalwat (Azam, 2009). Islam amat mementingkan keadilan. Maka untuk memastikan penghakiman menjadi adil, maka kaedah pembuktian menerusi keterangan dokumen elektronik ini juga perlu jelas. Hal ini sejajar dengan teori keadilan dinyatakan dalam surah *al Maidah*, ayat 8 yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana (adil) itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Teori keadilan turut disentuh dalam al Sunnah sebagaimana mafhum Nabi (Azam, 2012):

Sesungguhnya aku adalah manusia, dan sesungguhnya kamu yang bertikai di hadapanku, boleh jadi sebahagian dari kamu lebih pintar berhujah daripada yang satu lagi, lalu aku membuat keputusan bagi pihaknya berdasarkan apa yang aku dengar.

Teori keadilan turut dinyatakan dalam kaedah fikih:

Keyakinan tidak hilang dengan keraguan (Latif & Rosmawati, 2000).

Kaedah fikih ini bermaksud bahawa sesuatu yang telah diyakini tidak akan hilang dengan kedatangan syak (keraguan) ke atasnya, tetapi ianya boleh dihilangkan dengan yakin sepertinya juga (Saleh, 1999). Dalam erti kata lain, apabila telah sabit sesuatu perkara atau keadaan dengan yakin kemudian wujud keraguan ke atasnya, maka perkara yang telah diyakini itulah yang diambil kira sehingga sabit benar perkara yang menjadi keraguan tersebut.

Berdasarkan ayat al Quran, al Sunnah serta kaedah Fikh tersebut dapat dijelaskan bahawa Islam memerintah kita agar menegakkan keadilan. Proses kehakiman yang adil perlu meliputi beberapa perkara seperti mengadakan sistem undang-undang yang adil, mengguna pakai kaedah pembuktian yang tepat dan benar serta penguatkuasaan undang-undang yang cekap (Lukman, 2014).

Secara umumnya, semua keterangan perlulah dijelaskan kebolehterimaan dan kerelevannya untuk dijadikan sebagai bukti dalam perbicaraan. Hal ini termasuklah kaedah pembuktian menerusi keterangan dokumen berbentuk elektronik yang dibincangkan dalam penulisan ini.

#### **4. Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis dari perspektif Prinsip Syariah**

Anwarullah mendefinisikan keterangan dokumen sebagai bukti yang berasal dari dokumen yang dikeluarkan untuk pemeriksaan mahkamah berhubung permasalahan yang menjadi pertikaian (Anwarullah, 2000). Abdul Haseb dalam penulisannya yang bertajuk *al-qadi wa al-bayyinah*, menjelaskan bahawa dokumen boleh didefinisikan sebagai suatu tulisan pada kepingan kertas berkaitan dengan hutang, hak, harta atau obligasi kontrak yang direkodkan atau diwujudkan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan niat untuk mewujudkan medium keterangan, supaya perkara itu direkodkan dan menjadi bahan bukti dalam apa-apa pertikaian yang berkaitan (Haseb,1987). Mohammed Burhan turut mendefinisikan dokumen sebagai kenyataan yang dibuat atau nota yang ditulis oleh seseorang yang mungkin berada dalam kedudukan pihak berkuasa atau hakim atau rakyat biasa. Kenyataan dan nota tersebut boleh dibuat di atas kertas rasmi, kertas, dimeterai atau sebaliknya (Burhan,1999).

Sungguhpun begitu, penulisan ini mendapati bahawa kesemua pendefinisian dokumen yang dijelaskan oleh para cendekiawan ini tidak menyebut bentuk-bentuk dokumen dalam jenis-jenis yang lain. Pendefinisian yang dijelaskan itu hanya mengkategorikan dokumen ini sebagai tulisan atau kenyataan atau nota yang direkodkan di dalam kertas rasmi sahaja. Ini bermakna keterangan elektronik tidak disebut sebagai salah satu bentuk keterangan dokumen dalam pendefinisian tersebut.

Sungguhpun definisi keterangan dokumen elektronik tidak ada penjelasan khusus di dalam prinsip syariah, prinsip syariah menerangkan kepentingan merekodkan transaksi untuk mengelakkan dari berlaku sebarang permasalahan seperti yang disebut dalam surah Al-Baqarah di dalam ayat 282.

Wahai orang yang beriman! Apabila kamu *bermu`amalah* tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menulisnya.

Berdasarkan ayat al Quran di atas, Allah memerintah hutang dicatatkan dalam dokumen tertentu sebagai bukti wujudnya perjanjian hutang. Perintah untuk mendokumentasikan hutang tersebut dianggap sebagai satu penerimaan keterangan berbentuk dokumen dalam Islam. Seterusnya, keterangan dokumen elektronik turut dapat dilihat dalam sabda Nabi Muhammad S.A.W sebagaimana berikut (Nawawi & Mahyuddin, 1997):

Tidak berhak seseorang Muslim yang memiliki sesuatu yang diwasiatkan dan ia masih mempunyai kesempatan hidup selama dua malam melainkan hendaklah ia mempunyai wasiat yang ditulis.

Hadis di atas menunjukkan Nabi Muhammad S.A.W menggalakan umatnya untuk berwasiat dengan menulis wasiat dalam dokumen. Dokumen tersebut menjadi bukti wujudnya perjanjian wasiat yang telah dibuat. Penulisan wasiat yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad ini menunjukkan dokumen diterima pakai sebagai satu kaedah pembuktian pada zaman nabi.

Kaedah fikah ada menyatakan bahawa "*kitabah adalah seperti lisan*" yang membawa maksud keterangan dalam bentuk tulisan atau dokumen boleh diterima sebagai keterangan sama seperti keterangan percakapan. Walaupun dalam undang-undang keterangan Islam kesaksian adalah bukti yang kuat, prinsip syariah di atas meletakkan pembuktian dokumen pada tahap pembuktian yang sama seperti kesaksian lisan (Saedon, 2003).

Berdasarkan ayat al Quran, al Sunnah serta kaedah fikh tersebut menekankan kepentingan sesuatu dokumen untuk dikemukakan di mahkamah sebagai keterangan dalam percakapan (Saedon, 2003). Menurut Ibn Qayyim, keterangan merujuk kepada setiap sesuatu yang menjelaskan atau menerangkan sesuatu hak atau kepentingan. Pengertian ini adalah luas dan menyeluruh, meliputi apa-apa sahaja yang menjelaskan, menerangkan atau membuktikan kedudukan atau keadaan sesuatu hak atau kepentingan yang boleh diambil kira oleh hakim atau mahkamah dalam memberikan hak kepada yang berhak atau menjatuhkan hukuman dengan adil lagi saksama (Saedon, 2003).

Malahan Islam juga merupakan sebuah agama yang sesuai untuk dipraktikkan di mana-mana zaman kehidupan. Pelbagai hukum baru boleh dikeluarkan mengikut kesesuaian kehidupan serta permasalahan pada masa kini dengan syarat hukum baru tersebut mematuhi prinsip-prinsip syariah yang sedia ada serta tidak melanggar hukum syarak. Ini juga berdasarkan hukum lafaz talak melalui medium elektronik seperti SMS, emel dan faksimili yang boleh diterima sebagai pembuktian bahawa lafaz talak itu wujud tetapi dalam hal sebegini memerlukan pengesahan atau pengakuan daripada suami sama ada telah menghantar lafaz cerai tersebut dan juga mempunyai niat untuk bercerai (Raehana, 2018).

Menurut prinsip syariah berkaitan keterangan, dokumen juga dianggap sebagai keterangan *qarinah*. Keterangan sebegini dikemukakan bertujuan untuk menguatkan keterangan-keterangan lain yang dikemukakan di mahkamah. Keterangan tersebut juga perlu dikuatkan oleh keterangan daripada pakar untuk menguji kredibiliti keterangan dokumen yang telah dikeluarkan (Jasri, 2011). Walaupun tiada perincian yang jelas di sisi prinsip syariah berkaitan dokumen berbentuk elektronik ini tetapi ianya perlu dianggap sebagai salah satu bentuk keterangan yang penting. Ini kerana keterangan dokumen berbentuk elektronik dapat membantu mahkamah untuk mempertimbangkan sesuatu fakta dan keterangan.

Keterangan-keterangan dokumen berbentuk elektronik sedemikian turut dikemukakan di mahkamah syariah. Dalam kes *Fazida lwn Latif*, mahkamah mengesahkan dan mensabitkan perceraian suami isteri yang dilafazkan melalui SMS (sistem mesej singkat) apabila suami menghantar ayat SMS untuk bercerai. Ini menunjukkan bahawa keterangan berbentuk elektronik seperti SMS dikemukakan di mahkamah syariah untuk membantu mengesahkan bahawa perceraian telah berlaku di antara suami isteri tersebut. Kenyataan ini berdasarkan juga kepada kes *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*, hakim di dalam kes ini bersetuju dengan pihak Plaintif yang telah berjaya mengemukakan *qarinah* yang boleh diterima oleh mahkamah syariah Selangor, iaitu resit dan cek sebagai dokumen dan wang bayaran balik. Transaksi bayaran balik wang yang dikemukakan oleh Plaintif dalam bentuk cek itu dinamakan sebagai keterangan berbentuk elektronik. Keterangan dokumen berbentuk elektronik adalah

merupakan satu perkara baharu pada zaman kini dan tiada hukum berkaitan pemakaiannya yang dibuat di dalam mana-mana kitab fikah (Fattah, 2016).

## **5. Keterangan Dokumen Elektronik dalam Perbicaraan Kes-kes Syariah di Malaysia: Realiti Permasalahan.**

Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah mentafsirkan dokumen sebagai:

Apa-apa huruf, tanda, nombor, simbol atau isyarat yang dinyatakan, diperihalkan atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi apa jua pun peranti lain. Ternyata bahawa peruntukan undang-undang tersebut memberi tafsiran yang lebih luas berkaitan keterangan dokumen berbanding tafsiran di bawah prinsip syariah. Ini kerana peruntukan terbabit menyatakan fungsi dokumen dan bentuknya dalam skop yang lebih luas lagi. Ianya termasuklah dengan memberi pendefinisian berkaitan keterangan dokumen berbentuk elektronik sebagaimana di bawah tafsiran dokumen di dalam peruntukan undang-undang yang sama iaitu merujuk kepada keterangan yang dikeluarkan oleh peralatan elektronik.

Dalam masa yang sama, terdapat dua peruntukan seksyen yang menggunakan perkataan komputer yang boleh ditafsirkan di bawah pendefinisian keterangan dokumen berbentuk elektronik iaitu di dalam seksyen 3 serta seksyen 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah menyatakan:

Hal yang dirakamkan, disimpan, diproses, didapatkan semula atau dikeluarkan oleh komputer ialah dokumen.

Manakala, seksyen 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah pula menyatakan:

Suatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer.

Berdasarkan kesemua peruntukan undang-undang terbabit ternyata bahawa dokumen yang dihasilkan daripada komputer atau peralatan elektronik boleh dijadikan sebagai bahan bukti sekiranya ianya menepati perincian yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang tersebut.

Dokumen berbentuk elektronik telah lama diguna pakai dalam sistem kehakiman di Malaysia. Penulisan ini telah mengkaji banyak kes-kes yang menggunakan keterangan berbentuk elektronik. Namun, untuk tujuan penulisan ini, hanya ingin membincangkan empat jenis tuntutan kes iaitu kes menjual minuman memabukkan Pendakwa Syarie Iwn Mohamad Zakir bin Hossain dan Sarina binti Abdullah, kes tuntutan isteri kembali taat Mohd Fairuz bin Ismail Iwn Armiazira binti Alias, kes persetujuan haram Pendakwa Syarie lawan Mohd Syarafuddin bin Shafii dan Fatimah Zakiah binti Shahrudin, kes tuntutan perceraian Moriasi bin Muhammad Iwn Ajmawati binti Atan.

**5.1 Penulisan Kes 1: Menjual minuman memabukkan  
(Pendakwa Syarie lwn Mohamad Zakir bin Hossain dan Sarina binti Abdullah)  
Kes Jenayah Syariah No: 10400-181-0005-2011 dan 10400-147-00006-2011.**

Dalam kes jenayah syariah, orang kena tuduh (OKT) dipertuduhkan kerana menjual minuman memabukkan di dalam premis kedainya. Dalam pembelaannya, OKT membawa salinan dokumen Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi membuktikan bahawa dalam premis kedai tersebut terdapat dua orang pemilik iaitu OKT serta seorang lagi yang bukan beragama Islam. OKT menyatakan bahawa arak di dalam premis tersebut milik orang bukan Islam berkenaan. Pegawai Suruhanjaya Syarikat Malaysia dikemukakan di dalam perbicaraan bagi mengesahkan salinan dokumen SSM serta isi kandungannya. Penulisan mendapati bahawa dokumen Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang dicetak dianggap sebagai keterangan dokumen berbentuk elektronik (Sara, 2018).

**5.2 Penulisan Kes 2: Tuntutan Isteri Kembali Taat  
(Mohd Fairuz bin Ismail lwn Armiazira binti Alias)  
Kes Mal No: 06100-041-0422 -2008.**

Kes ini merupakan kes tuntutan isteri kembali taat. Plaintiff telah mengemukakan salinan SMS yang dicetak daripada telefon bimbit isterinya, Defendan. SMS tersebut berkaitan perbualan Defendan bersama dengan seorang lelaki lain. Plaintiff mengesyaki Defendan berlaku curang terhadapnya bersama lelaki tersebut. Plaintiff mengemukakan tuntutan agar Defendan kembali taat. Dalam pembuktian, Plaintiff telah mengemukakan SMS tersebut dalam perbicaraan mahkamah. Penulisan mendapati bahawa salinan SMS juga merupakan keterangan dokumen elektronik (Nazri, Ahnaf & Noremiza, 2018).

**5.3 Penulisan Kes 3: Kes Persediaan Persetubuhan haram  
(Pendakwa Syarie lawan Mohd Syarafuddin bin Shafii dan Fatimah Zakiah binti Shahrudin )  
Kes Jenayah Syariah No: 10400-114-0011-2012 dan 104000-114-0012-2012**

Dalam kes ini, OKT dituduh melakukan kesalahan persetubuhan haram. Dalam membuktikan kesalahan OKT tersebut, pendakwa syarie telah membawa saksi-saksi berkaitan untuk memberikan keterangan. Pendakwa syarie turut mengemukakan laporan polis dalam menyokong keterangan yang dibuat oleh saksi-saksi. Penulisan mendapati bahawa laporan polis merupakan keterangan dokumen elektronik (Sara, 2018).

**5.4 Penulisan Kes 4: Tuntutan Perceraian  
(Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan)**

Kes ini merupakan kes rayuan yang dirayu oleh Moriazi bin Muhammad sebagai Perayu dan Ajmawati binti Atan sebagai Responden. Kes ini telah diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 20 Mei 2003. Moriazi telah merayu sebahagian perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Dalam keputusan rayuannya, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah telah mengenyahkan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan memerintahkan kes ini didengar semula di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di mana perbicaraan penuh perlu dijalankan semula dan saksi-saksi hendaklah dipanggil jika ada. Antara alasan keputusan rayuan adalah kes tersebut yang didengar di Mahkamah Tinggi Syariah adalah tidak mengikut ketetapan Kanun Prosedur Mal Syariah (Selangor) 1991. Kes

ini sepatutnya dimulakan dengan saman bukannya permohonan. Alasan keputusan Mahkamah Rayuan Syariah dalam rayuan tersebut juga menyatakan bahawa kes yang dibicarakan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah tidak disokong dengan saksi atau keterangan lain.

Berdasarkan kes-kes di atas, penulisan mendapati bahawa, mahkamah syariah telah menerima dokumen sijil Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM), perbualan Sistem Pesanan Ringkas (SMS), laporan polis serta resit bank sebagai keterangan. Sungguhpun begitu, terdapat tafsiran berbeza daripada pengamal undang-undang dalam menafsirkan dokumen tersebut sehingga ianya membawa kepada kaedah pembuktian yang berlainan (Sara, 2018; Azmi, 2018; Irsamuddin, 2018; Hairin, 2018). Dalam temubual-temubual ini, penulisan mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam tafsiran keterangan dokumen elektronik. Ianya membawa kepada kaedah pembuktian serta hukuman berbeza sebagaimana dalam kes *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*.

Ini juga menunjukkan bahawa mahkamah syariah menerima pakai bukti-bukti tersebut sebagai bentuk pembuktian di dalam perbicaraan yang juga merupakan salah satu contoh kepada keterangan berbentuk elektronik. Artikel juga mendapati bahawa keterangan elektronik tersebut juga perlu disokong dengan keterangan lain seperti keterangan daripada pakar untuk mengesahkan keaslian dokumen elektronik tersebut. Sungguhpun begitu, pemahaman terhadap kebolehterimaan keterangan elektronik adalah kurang jelas dan mengakibatkan kes ini diperintahkan untuk didengar semula dengan mengemukakan saksi-saksi yang menyokong tuntutan.

## **6. Pengaplikasian Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah dalam Kes-kes Syariah: Ke arah Cadangan Pemeraksanaan**

Penulisan ini membincangkan definisi keterangan dokumen dan juga keterangan dokumen dalam bentuk elektronik. Secara umum, keterangan dokumen adalah apa-apa yang dikemukakan di mahkamah yang merupakan suatu dokumen dengan tujuan untuk dijadikan sebagai bukti terhadap suatu tuntutan atau dakwaan atau pembelaan. Keterangan dokumen dalam bentuk elektronik pula adalah bentuk keterangan dokumen yang menggunakan medium peranti elektronik dan ianya juga berfungsi sebagai bukti untuk dikemukakan di mahkamah. Penulisan ini mendapati bahawa definisi keterangan dokumen elektronik tidak ada dinyatakan di dalam prinsip syariah. Hanya pendefinisian mengenai keterangan dokumen secara umum sahaja yang ada diperjelaskan.

Walaupun tiada perincian yang jelas berkaitan definisi serta kebolehterimaan di sisi prinsip syariah berkaitan keterangan dokumen berbentuk elektronik, keterangan elektronik sedemikian adalah merupakan suatu bentuk keterangan yang memainkan peranan yang penting dalam proses pembuktian sesuatu kes mal dan jenayah syariah. Ianya membantu memperkukuhkan sesuatu fakta dan keterangan. Ini kerana sekiranya keterangan dokumen elektronik itu saling sokong menyokong dengan fakta dan keterangan lain yang sedia ada, ianya akan membantu meyakinkan mahkamah untuk menerima sesuatu fakta dan keterangan serta membantu mahkamah untuk membuat sesuatu keputusan.

Ketiadaan definisi serta prinsip kebolehterimaan yang jelas dari perspektif prinsip syariah di negara ini telah mengakibatkan wujudnya pandangan yang menerima (*Ajmawati binti Atan lwn Moriazi bin Muhammad*) dan yang menolak (*Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*) pengaplikasian dan kebolehterimaannya keterangan dokumen elektronik di mahkamah syariah.

Prinsip syariah berkaitan definisi keterangan dokumen elektronik harus diperjelaskan dan diperkemas. Para ulama' dan pakar dalam bidang keterangan dan prosedur syariah di negara ini harus bersepakat dalam pendefinisian dan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik. Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyemak enakmen syariah di negara ini harus membincangkan idea untuk mengemaskini definisi keterangan dokumen di Bahagian Tafsiran dalam enakmen keterangan mahkamah syariah di seluruh negara. Ianya bertujuan untuk mengkaji ruang untuk memperkemas, memperjelaskan serta memperincikan definisi keterangan dokumen untuk merangkumi keterangan dokumen berbentuk elektronik. Jika proses ini boleh berlaku, ianya memberi indikasi bahawa terdapat persetujuan di kalangan pakar undang-undang keterangan dan prosedur syariah di negara ini untuk memperluaskan maksud keterangan dokumen di mahkamah syariah agar merangkumi keterangan dokumen berbentuk elektronik serta memperakui kebolehterimaannya dalam percabaran mal dan jenayah syariah di negara ini.

## 7. Kesimpulan

Keterangan dokumen merupakan salah satu bentuk pembuktian yang kerap dikemukakan di mahkamah syariah dan mahkamah sivil. Keterangan dokumen pada masa kini tidak terhad kepada apa-apa yang direkod di dalam kertas sahaja bahkan penggunaannya telah diperluaskan kepada keterangan dokumen dalam bentuk elektronik. Keterangan elektronik ini secara amnya membabitkan apa-apa yang direkodkan dengan menggunakan peranti elektronik seperti SMS, alat cetak, resit dan rakaman video. Sungguhpun begitu, tidak ada pendefinisian yang jelas dibuat berkaitan dengan keterangan elektronik dari perspektif prinsip syariah. Malah kebolehterimaannya dalam kes mal dan jenayah syariah di negara ini juga kurang jelas. Justeru penyelidik mengemukakan cadangan dalam usaha memastikan agar keterangan dokumen berbentuk elektronik boleh dikemukakan serta kebolehterimaannya tidak dipersoalkan dalam mana-mana percabaran di mahkamah syariah di Malaysia.

## 8. Rujukan

Abd al-Hasib. (1987). *Qadi wa-al-bayyinah*. al-Kuwayt . Maktabat al-Mu'allā..

Ahmad Azam Mohd Shariff. (2009). *Jenayah Moral dan Kesusilaan di bawah Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian kes Melalui Qarinah Rakaman Foto dan Video Elektronik, Makalah Undang-undang Jilid 3/2009*. Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Anwarullah. (2000). *Principles of Evidence in Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn Bhd.

Joint Technology Committee. (2016). *Managing Elektronik Evidence in Courts*. JTC Resource Bulletin. <http://www.ncsc.org/~media/files/pdf/about%20us/committees/jtc/jtc%20resource%20bulletins/elektronik%20evidence%203-14-2016%20final.ashx>, [10 Januari 2017].

Lukman Abdul Mutalib.Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2012). al Qarinah: Antara Kekuatan dan Keperluan dalam mensabitkan kesalahan Jenayah Zina,International Journal of Islamic Thought. Vol 2.



- Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *Undang-undang Keterangan Islam*. Selangor: Dawama Sdn bhd.
- Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohd Abu Hassan Abdullah. (2017). *Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah, Analisis Berkaitan Definisi Serta Kebolehterimannya di sisi Prinsip Syariah di Malaysia, Current Legal Issues*. Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Ismail Mohamad Yunus. (2013). *Nilai Keterangan Elektronik dan Elektronik Menurut Akta Keterangan 1950*. Pengaman, Official Magazine of Royal Malaysia Police. <http://irep.iium.edu.my/50511/> . [10 Januari 2017]..
- Mohammed Burhan Arbouna. (1999). *Islamic Law of Evidence : The Function of Official Document in Evidence*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.
- Mohd Fairuz bin Ismail lwn Armiazira binti Alias. Kes Mal No: 06100-041-0422 -2008.
- Mohd Munzil bin Muhamad. Ahmad Azam Mohd Shariff. Ramalingam Rajamanickam. Mazupi Abdul Rahman. Anowar Zahid. Noorfajri Ismail. *Qarinah: Admissibility of Circumstantial Evidence in Hudud and Qisas Cases*. Mediterranean Journal of Social Sciences. MCSER Publisihing. Rome. Itali.
- Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan. Kes Mal No: 10000-41-04-2003.
- My Metro. 2016. *Adira Suami diarah Kemuka Bukti Nikah*. <http://www.hmetro.com.my/node/121099>. [10 Januari 2017].
- Pendakwa Syarie lawan Mohd Syarafuddin bin Shafii dan Fatimah Zakiah binti Shaharuddin. Kes Jenayah Syariah No: 10400-114-0011-2012 dan 104000-114-0012-2012
- Pendakwa Syarie lwn Mohamad Zakir bin Hossain dan Sarina binti Abdullah. Kes Jenayah Syariah No: 10400-181-0005-2011 dan 10400-147-00006-2011.
- Raehana Burhanuddin. (2012). *Jurnal Penulisan Hukum Islam. Perceraian Menggunakan Sms, Email Dan Faksimili Di Mahkamah Syariah Daerah Pontian Johor Malaysia*. <http://e-journal.iainjambi.ac.id/index.php/arrisalah/article/view/210>. [9 Januari 2017].
- Ramalingam Rajamanickam. (2011). *Some Legal Issues Pertaining To The Elektronik Evidence in Malaysia, International Conference on Apllied Sciences, Mathematics and Humanities*.
- Sean E. Goodison, Robert C. Davis, Brian A. Jackson. (2015). *Elektronik Evidence and The U.S. Criminal Justice System*. [http://www.rand.org/pubs/research\\_reports/RR890.html](http://www.rand.org/pubs/research_reports/RR890.html). [9 Januari 2017].
- Temu bual Puan Nik Norermiza Rozana binti Mustafa, Pegawai Penyelidik Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, 15 Mac 2018.
- Temu bual Tuan Ahnaf bin Ahmad, Pegawai Penyelidik Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, 15 Mac 2018.

Temu bual Tuan Azmi bin Aziz, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Jempol Negeri Sembilan. Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah. Temubual. 12 April 2018.

Temu bual Tuan Mohd Nazri bin Yusof, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, 15 Mac 2018.

Temu bual Tuan Sara Waheda binti Tuan Dir, Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor. Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah. Temubual. 28 Februari 2018.

Temu bual Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie. Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah. Temubual. 17 April 2018.

Temu bual Tuan Nur Hairin bin Khamis, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Siasatan, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah. Temubual. 28 Februari 2018.